

Fakta
nombor

RM20,000 KOS

food bike dilengkapi basikal elektrik, perkakas memasak, stok makanan

25 KILOMETER

sejam kelajuan food bike guna bateri lithium ion

Food bike bantu peniaga OKU tambah pendapatan

Ipoh: Selepas *food truck*, konsep baharu perniagaan makanan *food bike* iaitu menggunakan khidmat basikal elektrik akan diperkenalkan di Perak tidak lama lagi.

Kemudahan itu memberi tumpuan kepada peniaga orang kurang upaya (OKU) untuk menambah sumber pendapatan.

Ketua Pegawai Eksekutif My Food Bike Sdn Bhd, Izat Irwan Idzlan, berkata perniagaan yang dijalankan dalam bentuk kafe bergerak di atas basikal itu menghadirkan pelbagai menu termasuk ala premis francais

jualan kopi terkenal tetapi menawarkan harga di bawah RM5.

"Kita akan memilih peniaga yang disenaraikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan keutamaan kepada mereka yang mempunyai kecacatan fizikal, lembam, pekak dan bisu," katanya pada sidang media di pusat seni Koloni Karyawan Amanjaya (PORT) di sini, semalam.

Guna basikal elektrik

Food bike yang berkelajuan maksimum 25 kilometer sejam, menggunakan teknologi mesra alam iaitu bateri

lithium ion yang mampu tahan sejauh 50 kilometer jarak perjalanan.

Setiap *food bike* dengan kos RM20,000 dilengkapi set basikal elektrik, perkakas memasak dan stok makanan.

Beliau berkata, lima *food bike* dikeluarkan selepas Aidilfitri ini yang dibeli oleh kerajaan Perak dengan peruntukan RM100,000.

Katanya, sebelum ini perniagaan seperti ini dibuat secara statik di pasar raya di Anggerik Mall, Shah Alam, Selangor, tetapi akan dikembangkan di Perak khususnya Ipoh.